

15 MAR 1996

Mahathir-Perakam

PM UCAP TAHNIAH PADA HAKIM KURANGKAN KES TERTANGGUH

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada semua hakim kerana berjaya mengurangkan kes yang tertangguh di mahkamah walaupun masih banyak kes yang menunggu untuk dibicarakan.

"Hari ini kes-kes yang terbengkalai di mahkamah sudah banyak berkurangan hasil daripada usaha gigih hakim-hakim dan dengan itu 'delayed justice' (melewatkan keadilan) dan ketidakadilan sudah berkurangan," katanya.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu arahan penggunaan perakam waktu untuk hakim-hakim baru-baru ini dijadikan satu isu yang hangat sehingga berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Malah, perakaman waktu masuk dan keluar pejabat untuk hakim boleh membantu sedikit dalam usaha membawa keadilan kepada masyarakat, katanya semasa merasmikan Persidangan Hakim-hakim di sini.

Beliau berkata sebagai anggota masyarakat biasa, apa yang diterima oleh masyarakat perlulah diterima juga oleh pihak hakim, dan ini termasuk menggunakan perakam waktu.

Hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah ada juga hakim yang tidak berada di tempat kerja pada masa yang ditetapkan dan ini juga melambatkan proses undang-undang dan menafikan keadilan.

"Dalam masyarakat kita, hakim datang dari golongan anggota masyarakat. Kini tidak ada keluarga atau keturunan hakim yang berhak menjadi hakim hanya kerana keturunan," katanya.

"Tetapi mahkamah, pendakwa dan peguam kerap menangguhkan perbicaraan dengan begitu mudah. Ini tetap lewat dan melambatkan proses penghakiman dan menafikan keadilan.

"Jika anggota kerajaan perlu merakam waktu, bahkan menggunakan lencana nama, amalan yang sama tidak boleh dianggap hina oleh mana-mana anggota masyarakat," katanya sebagai menjawab kritikan sesetengah pihak terhadap langkah penggunaan perakam waktu oleh para hakim yang berkuatkuasa mulai 1 Feb. lepas.

"Saya sedar bahawa ada pihak yang tidak senang hati dengan arahan merakam waktu. Surat layang berkenaan perakam itu pun disebar. Badan-badan tertentu juga membuat teguran dan membantah langkah mengadakan kad perakam waktu. Kononya ia menjatuhkan maruah hakim," kata beliau.

Dr Mahathir berkata terdapat tekanan dibuat untuk mempercepatkan proses penghakiman, tetapi ini boleh dilakukan bukan dengan cara terlalu gopoh kerana ia boleh juga menyebabkan ketidakadilan.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa kegiatan perniagaan dan perusahaan semakin bertambah di Malaysia yang sedang membangun dengan pesat dan dengan ini akan bertambahlah jenis jenayah yang baru.

Beliau menekankan pentingnya kepantasan dalam menangani jenayah komersil yang semakin meningkat.

Dr Mahathir juga mengingatkan ada pihak tertentu yang ingin memeralatkan mahkamah untuk menjayakan 'boardroom battle' (perbalahan jemaah pengarah) mereka.

Ini dilakukan hanya dengan mendapatkan 'injunction' (perintah sementara) yang boleh memperkayakan seseorang 'at the expense of' (dengan mengorbankan) seterusnya. -- Bernama.

AU AHH